

Silat olahraga kagumkan dunia antarabangsa

Oleh TALIB SAMAT

KEMUNCULAN buku *Silat Olahraga* yang dikeluarkan dan disusun oleh Anuar Abdul Wahab terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka kena pada masanya. Buku yang dihasilkan oleh seorang guru utama Seni Gayung Fatai di Malaysia itu adalah usaha positif yang perlu disanjung.

Inilah kali pertama dalam sejarah dunia penerbitan tanahair sebuah buku yang khusus memperkatakan dan menghuraikan kehebatan silat Melayu didedahkan kepada umum. Seni silat olahraga adalah warisan budaya bangsa Melayu kaya dengan nilai seni dan keindahan yang mengagumkan dunia antarabangsa.

Seperti yang diterangkan dalam buku ini, ilmu seni pencak silat adalah ilmu pengetahuan yang berhubung dengan cara-cara tertentu untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh sama ada tanpa senjata atau bersenjata. Ini disebabkan tidak semua orang memiliki tubuh atau keupayaan yang sempurna untuk menentang lawan. Oleh itu mereka perlu mempunyai cara tertentu untuk melemahkan musuh.

Kepentingan ilmu mempertahankan diri seperti silat, judo dan taekwan-do semakin penting pada zaman moden ini bukan sahaja untuk mempertahankan diri dari serangan penceroboh yang datangnya tidak tentu masa; tetapi juga untuk memastikan seni budaya ini diketahui, dipelajari dan diperkenalkan oleh generasi masa daripada lupakan ditelan zaman.

28 NOV 1987

Di Malaysia, seni pencak silat didukung oleh pelbagai perguruan seni silat yang mempunyai keaslian sendiri. Menurut kajian dan data Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada akhir tahun 1975, ada lebih kurang 465 kumpulan seni pencak silat yang merangkumi 269 jenis perguruan. Jumlah ahli kumpulan silat ini sukar dipastikan kerana ada ahli yang masih aktif dan ada yang hanya memberi sokongan moral. Ahli yang masih aktif dianggarkan kira-kira 100,000 orang.

Tepat seperti kata penulis buku *Silat Olahraga* ini: "Sesungguhnya kelahiran berbagai-bagi bentuk seni bela diri itu tidak merosakan perkembangan seni silat Melayu malah memperkayakan dan mempelbagaikan keadaan atau teknik persilatan supaya sesuai dengan keupayaan fizikal dan budaya manusia. Bagaimanapun yang berbeza cuma keperluannya misalnya dalam zaman moden, bela diri hanya diperlukan bagi kepentingan menjaga diri andainya orang diserang musuh di pinggir jalan, dalam lif, dalam bangunan dan sebagainya."

Silat olahraga seperti yang dijelaskan dalam buku ini ialah silat yang dipertandingkan dalam gelanggang olahraga dan menggunakan peraturan pertandingan silat olahraga.

Silat olahraga sebenarnya wujud di tengah-tengah perkembangan ribuan pergruan seni pencak silat dan seni bela diri di Nusantara. Adalah wajar jika silat olahraga dikembangkan dan diperluaskan setanding dengan seni silat lain. Hal ini penting kerana selama ini kebanyakannya olahragawan tidak pernah mengambil bahagian dalam permainan silat olahraga. Olahragawan kita lebih gemar memasuki pertandingan karate, tinju, judo dan taekwon-do pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Usaha mengembangkan silat olahraga di peringkat kebangsaan dan antarabangsa tetap dilakukan dari semasa ke semasa. Tiga negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura misalnya berjaya membentuk Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Pesilat) yang bersidang kali pertama di Jakarta pada 23-24 September 1979. Anuar Abdul Wahab penulis buku ini adalah naib presiden Pesaka (Persatuan Silat Kebangsaan).

Dalam sidang pertama di Jakarta itu dirumuskan beberapa ketetapan bahawa seni pencak silat dan bela diri perlu dimajukan dan diperluaskan ke arah sukan olahraga, supaya pencak silat dapat memainkan peranan seperti:

B. Hartan (M)

(a) Membentuk keperibadian kebangsaan selaras dengan cita-cita negara. Pembentukan keperibadian ini bertujuan memperkuatkan keyakinan generasi kita terhadap kemampuan seni silat dalam mendaulatkan bangsa.

28 NOV 1987

(b) Memperluaskan kegiatan ke tanah yang lebih bermakna. Hal ini menjadi lebih mudah dengan adanya kemudahan perhubungan yang lebih baik.

(c) Mengatur rancangan perkembangan pencak silat di negara sendiri sebagai langkah permulaan untuk memperkembangkan silat olahraga ke tahap antarabangsa.

(d) Memperkuatkan kedudukan seni pencak silat dan bela diri di kalangan masyarakat dan olahragawan. Ini penting kerana unsur olahraga yang dilahirkan melalui intipati seni pencak silat dan bela diri sepatutnya dirumuskan dan diperkembangkan melalui pendekatan ilmiah khususnya untuk tujuan pertandingan.

(e) Menemui kehendak masyarakat bela diri, kesenian dan olahraga. Misalnya setiap cadangan untuk menerapkan olahraga dalam masyarakat pasti mempunyai rancangan jangka pendek dan jangka panjang. Melalui kedua-dua rancangan itu, dapatlah disusun program melalui garis panduan yang disediakan.

28 NOV 1987

Kini silat olahraga sudah memasuki peringkat antarabangsa. Olahragawan Eropah, Amerika Syarikat, Jerman dan Australia sudah memperlihatkan mutu permainan yang tinggi dan terbukti seni silat olahraga ini sudah dikenali di peringkat antarabangsa. Malaysia menjadi tuan rumah Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 yang akan di Stadium Negara pada 2-9 Disember 1987 ini.

Sesiapa saja atau mana-mana juga pergu-ruan silat sama ada perguruan silat tempatan atau perguruan silat antarabangsa, boleh mengambil bahagian dalam pertandingan. Misalnya silat gayung bermain dengan silat cekak atau taekwan-do bermain dengan silat sekebum. Tetapi perguruan-perguruan ini tetap menggunakan peraturan pertandingan silat olahraga.

Penerbitan buku Silat Olahraga yang ditulis oleh seorang yang terabit secara langsung dalam seni persilatan olahraga mempunyai tujuan murni yang semestinya dihargai. Ia bertujuan mengangkat silat Melayu ke tahap antarabangsa melalui pertandingan silat dalam gelanggang olahraga.

Ia juga bertujuan mengangkat taraf penggunaan bahasa Melayu ke tahap antarabangsa. Bahasa Melayu sebenarnya sudah mula digunakan dalam pertandingan silat olahraga pada tahap antarabangsa. Peserta silat dari negara Amerika, Australia, Sepanyol dan Belanda sudah mula menggunakan istilah silat olahraga seperti pasang, mulai, berhenti dan silat.

B. Harian (M)